



Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage: www.akademiarbaru.com/arsbs.html

ISSN: 2462-1951



Analisa Tema Pengukuran Tahap Penguasaan Umat Islam di Malaysia Terhadap Akidah *Ahli Sunnah Wal Jamaah* An Analysis of Themes of Measurement of Muslim Jurisdiction in Malaysia on the Belief of *Ahli Sunnah Wal Jamaah*

Open

Shakila Ahmad^{1,*}, Sharifah Khadijah Syed Abu Bakar¹, Harliana Abd. Halim¹, Intan Farhana Saparuddini¹, Abdullah Sulaiman¹, Halimi Mohd. Khalid¹, Nur Zainatul Nadra Zainol¹

¹ Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Umum dan Ko-Kurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia

ARTICLE INFO

ABSTRACT

Article history:

Received 28 February 2019

Received in revised form 1 April 2019

Accepted 13 June 2019

Available online 19 August 2019

Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) telah diterima umum dan dianuti secara tradisi dalam kalangan umat Islam di Malaysia khasnya dan di dunia amnya. Perlu diketahui sejauhmana tahap penguasaan umat Islam terhadap akidah ASWJ sebagai petunjuk kepada kedudukan sebenar akidah ASWJ di Malaysia. Dalam membina instrument pengukuran, perlu dikenalpasti tema-tema penting yang akan dijadikan kayu pengukur akidah ASWJ dalam kalangan umat Islam di Malaysia. Penulisan ini akan memfokus dan membincangkan hanya dua tema penting sebagai titik tolak kepada pembinaan instrument pengukuran tersebut iaitu pengetahuan terhadap latarbelakang ASWJ dan kefahaman terhadap manhaj akidah ASWJ. Kajian ini dijalani melalui metod kualitatif menggunakan pendekatan analisis kandungan buku, jurnal dan dokumen berkaitan. Hasil dari dapatan kajian ini akan digunakan bagi membina item kajian dalam mengenalpasti tahap penguasaan umat Islam terhadap akidah ASWJ di Malaysia.

The aqidah of Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) has been accepted and practiced traditionally, particularly, among Muslims in Malaysia and in the world in general. There is a need to know how far the level of mastery of Muslims towards the aqidah of ASWJ as an indication of the true position of the ASWJ belief in Malaysia. In developing the measurement instruments, it is necessary to identify the important themes that will be used as a yardstick to measure the belief of ASWJ among the Muslims in Malaysia. This paper focuses on and discusses only two important themes as a starting point to developing the measurement instruments, namely the background knowledge of ASWJ and the understanding of the belief of ASWJ. This study is carried out through qualitative methods using analytical approach to book contents, journals, and related documents. The findings of this study will be used to develop research items in identifying the mastery level of Muslims towards the aqidah of ASWJ in Malaysia.

Keywords:

Aqidah, Ahli Sunnah Wal Jamaah, tema pengukuran

Belief; *Ahli Sunnah Wal Jamaah*, theme instrument

Copyright © 2019 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

* Corresponding author.

E-mail address: shakila@uthm.edu.my (Shakila Ahmad)

1. Pengenalan

Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) telah menjadi pegangan akidah rasmi umat Islam di Malaysia. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai pihak berautoriti agama di Malaysia mengiktiraf Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai aliran pemikiran yang membentuk keseragaman akidah, syariah dan akhlak dalam kalangan umat Islam. JAKIM mendefinisikan ASWJ sebagai golongan yang berpegang kepada al-Quran dan al-Sunnah menerusi para sahabat, tabiin dan tabi tabiin, setia bersama mereka dalam prinsip akidah, syariah dan akhlak [4].

Akidah umat Islam telah dibentuk secara seragam mengikut acuan akidah ASWJ dari awal kedatangan Islam di Alam Melayu. Silabus pengajaran dan pendidikan akidah juga mengikut ajaran akidah ASWJ sama ada dalam pendidikan formal maupun sebaliknya. Kitab-kitab yang sering digunakan dalam pengajian adalah kitab aliran Asya'irah seperti Faridah al-Faraid, Matan Jawhar at-Tauhid, Akidah al-Awam, [4], Risalah Tauhid dan lain-lain. Bagi mengikat kesatuan akidah yang lebih mantap, Muhammad Uthman El-Muhammady [18], menyatakan kedudukan pegangan akidah ASWJ di Malaysia adalah mengikut aliran Imam Al-Ash'ari, fiqh mengikut mazhab Shafi'e dan akhlak pula berpandukan tasawuf Imam al-Ghazali. Ini lebih menjelaskan bahawa pegangan akidah ASWJ umat Islam di Malaysia beraliran al-'Asya'irah. Beberapa buah Negeri di Malaysia, antaranya Kedah, Kelantan dan Perlis telah memasukkan ASWJ sebagai mazhab rasmi Negeri masing-masing [22]. Hasilnya, pegangan dan kefahaman akidah umat Islam di Malaysia selama ini telah membentuk kesatuan dan keharmonian dalam kalangan umat Islam kerana ia memberi kesan terhadap hal ehwal politik dan pentadbiran.

Walaupun akidah ASWJ telah diterima sebagai pegangan rasmi umat Islam di Malaysia, namun dewasa ini kehadiran beberapa aliran pemikiran salah telah mencabar kesucian akidah yang sekian lama terpelihara sekaligus menjadi ancaman perpaduan dan solidariti umat Islam. Lagi membimbangkan apabila aliran menyeleweng ini mendapat tempat dalam kalangan pengikut Islam yang telah dididik dengan ajaran akidah ASWJ bermazhab al-'Asya'irah.

Rentetan dari pengaruh perkembangan aliran pemikiran yang salah ini, dilihat adalah perlu untuk dibuat satu penelitian sejauhmana tahap penguasaan umat Islam terhadap akidah ASWJ. Untuk itu kertas kerja ini akan membincangkan apakah tema yang perlu diketengahkan bagi membina item soal selidik dalam membuat penilaian terhadap tahap penguasaan tersebut. Bagi mencapai objektif, penulisan ini menggunakan metod kualitatif melalui pendekatan analisis kandungan buku, jurnal dan dokumen berkaitan khususnya dalam bidang akidah ASWJ.

Bagi Khairul Hamimah [13], meletakkan tema pemahaman akidah dalam membuat kajian penguasaan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta terhadap akidah dan kesannya kepada akhlak. Item-item penting yang dikenalpasti adalah maksud akidah, pengetahuan rukun iman, pengetahuan rukun Islam, pemahaman tentang niat, sujud, takbiratul ihram dan tahiyyat dalam solat. Kajian beliau menunjukkan peratusan pelajar tidak tahu maksud akidah adalah besar dan ada yang tidak dapat membezakan maksud akidah dan akhlak. Malah lebih membimbangkan ada dalam kalangan pelajar yang tidak dapat memberi jawapan yang tepat mengenai rukun Iman dan rukun Islam. Dapatkan dua item iaitu maksud akidah dan pengetahuan terhadap rukun iman merupakan petunjuk penguasaan terhadap kedudukan akidah ASWJ yang membimbangkan. Ini menunjukkan keperluan kajian yang lebih terperinci dijalankan untuk mengetahui penguasaan pelajar terhadap akidah ASWJ.

Dari sudut pengetahuan terhadap ajaran yang bertentangan dengan akidah ASWJ, Mohamed Fairooz [16], menentukan tema pengetahuan terhadap kefahaman dan amalan bagi mengukur penguasaan belia Islam terhadap ajaran Syiah. Dapatkan kajian beliau menyatakan ramai belia belum dapat membezakan antara ajaran Syiah dan ASWJ dalam beberapa isu. Antaranya isu khilafah, mut'ah, hukum-hukum solat dan sambutan perayaan. Petunjuk yang juga perlu diberi perhatian

adalah berlakunya amalan Syiah dalam kalangan belia. Walaupun dalam jumlah yang sedikit, namun ia memberi gambaran bahawa wujud ancaman terhadap akidah ASWJ dalam masa yang sama wujud kekurangan dalam pengetahuan dan kefahaman terhadap akidah ASWJ yang sebenar.

2. Analisis Dapatan

Pemilihan tema bagi mengukur tahap penguasaan ini dibuat berdasarkan analisis kandungan buku, jurnal dan dokumen berkaitan ASWJ. Meneliti tajuk dan sub tajuk dalam penulisan bagi mendapat gambaran sebenar mengenai kandungan akidah ASWJ dan kedudukannya di Malaysia. Dalam Jadual 1 di bawah dikemukakan ringkasan beberapa penulisan yang menyentuh akidah dan ASWJ.

Jadual 1

Ringkasan Analisa Beberapa Kandungan Buku, Jurnal dan Kertas Persidangan

Bil	Penulis dan Tajuk	Kandungan
1.	KH. Muhyiddin Abdushomad, <i>Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah</i> (terj. Syarh 'Aqidah al-'Awam)	Ilmu Tauhid dan Dasar-dasar, Pengertian ASWAJA, Sifat-sifat Allah, Sifat-sifat Para Nabi, Sifat-sifat Malaikat, Kitab-kitab Allah, Kewajiban Orang Mukallaf
2.	K.H. Sirajuddin Abbas, <i>I'itoqad Ahlussunnah Wal-Jamaah</i>	Latarbelakang ASWJ, I'itiqad ASWJ; ketuhanan, Malaikat, Kitab, Rasul, Hari Akhirat, Qada' Qadar, Ringkasan I'itiqad ASWJ, Syiah, Khawarij, Murjiah, Muktazilah, Qadariyah, Jabariyah, Najariyah, Musyabbihah, Ibnu Taimiyah, Wahabi, Bahaiyah, Ahmadiyah, Pandangan i'itiqad ASWJ terhadap aliran-aliran pemikiran, Kitab-kitab penting Dalam ASWJ
3.	Haji Said Haji Ibrahim, <i>Aqidah Ahli Sunnah Waljama'ah</i>	Islam agama fitrah, Pengenalan Aqidah, Kepentingan akidah, Aqidah batal, Penjelasan Uluhiyah, Penjelasan Rububiyyah, Rukun Iman, Beriman kepada Allah, Malaikat, Rasul, Kitab, Kiamat, Qadha Qadar, Hakikat iman, Yang membatalkan Iman,
4.	Basri bin Ibrahim, <i>Aqidah Ahli al-Sunnah Wa al-Jamaah Berdasarkan Manhaj Asya'irah</i>	Kepentingan ilmu akidah (pengenalan ASWJ), Ilahiyat, Nubuwah, Sam'iyyat, Perkara yang berkaitan dengan tauhid, Ibadah dan hubungannya dengan akidah, Kemunculan ilmu kalam dan ilmu Tauhid
5.	Rushdi B. Ramli, <i>Aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah; Prinsip-prinsip utama berdasarkan Risalah 'Itiqad Ahli Sunnah Wal Jama'ah Karya Imam Abu Ja'afar Ahmad bin Muhammad al-Tahawi</i>	Prinsi-prinsip berkaitan; Ketuhanan, Kerasulan, Al-Quran, Malaikat, Kiamat, syurga neraka, kedudukan wali
6.	Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Pemakaianya di Malaysia: Isu dan Cabaran, Jurnal 'Ulwan [4]	Definisi ASWJ, Aliran sifatiyah, Isu wahabiyyah (salafiyyah) dan Syiah, Wasatiyyah dalam akidah
7.	<i>Prinsip-Prinsip Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jama'ah: Pengenalan & Terjemahan Melayu Wasiyyah Imam Abu Hanifah</i> , Afkar Edisi Khas 2014	Prinsip dan perkara yang disimpulkan oleh Abu Hanifah dalam <i>Wasiyyah</i> Konsep iman, Kategori amalan, Persoalan <i>Istiwa'</i> , Al-Quran kalam Allah bukan makhluuk, Manusia terbaik selepas Nabi s.a.w., Persoalan perbuatan manusia, Persoalan rezeki., Persoalan kemampuan manusia (<i>istita'ah</i>), Persoalan menyapu dua <i>khuf</i> , memendekkan solat (<i>qasar</i>) dan berbuka puasa semasa musafir (<i>rukhsah</i>), Persoalan <i>Qalam</i> , Persoalan azab kubur, syurga, neraka dan surat amalan, Persoalan mengenai kebangkitan, melihat Allah, syafaat dan ahli syurga serta neraka akan kekal.
8.	<i>Pengukuran Aqidah Ahli Sunnah Wa Al Jamaah (Aswj) Dalam Pendidikan Islam Ke Arah Menangani Gerakan Syiah Di Malaysia</i> , Proceeding of ICECRS, 1 (2016)	Pendedahan maklumat tentang ASWJ, Mengukur kefahaman dan amalan ASWJ melalui rukun Iman dan rukun Islam. Pengukuran ASWJ wajib dilaksanakan melalui: praktikal amali dan tidak berorientasikan teori semata-mata.

Daripada analisa tersebut, beberapa tema dapat dikenalpasti dalam menyusun item bagi pengukuran tersebut. Bagaimanapun kertaskerja ini hanya akan memfokuskan kepada dua tema pengukuran iaitu mengetahui latar belakang ASWJ dan memahami manhaj akidah ASWJ. Dari tema tersebut dipilih beberapa item penting untuk dijadikan pengukur penguasaan terhadap akidah ASWJ.

2.1 Tema: Mengetahui Latarbelakang ASWJ

Bagi menentukan penguasaan individu terhadap akidah ASWJ berada di tahap yang baik, mengenali ASWJ merupakan satu perkara yang sangat penting. Bagaimana hendak mengikuti jalan akidah tanpa mengenali identitinya.

a. Mengenali ASWJ

Zakaria Stapa [22], Abdul Hamid Yunus [2] dan Adam Badrulhisham [4] menerangkan definisi ASWJ bagi memberi gambaran awal identitinya iaitu satu kumpulan majoriti dan dominan dalam kalangan umat Islam dari pelbagai bidang keilmuan yang mentaati Allah SWT berdasarkan ajaran dan cara hidup Nabi Muhammad SAW serta para sahabat.

Dalam membincangkan kedudukan ASWJ, Ahsin Sakho Muhammad [9] menekankan keperluan membezakan antara dua perkara iaitu Ahli sunnah sebagai pelaku sejarah dengan ahli sunnah sebagai satu ajaran. Dari sudut sejarah, istilah ASWJ tidak wujud di zaman Rasulullah SAW kerana tidak berlaku perpecahan akidah dalam kalangan umat Islam. Oleh itu ASWJ dinilai dari sudut pelaku sejarah adalah penamaan ke atas orang Islam yang berada di atas kebenaran yang dimasyhurkan penggunaannya pada abad ke 3 dan ke 4 hijrah bagi membezakannya dengan aliran yang salah [10]. Dua tokoh ASWJ yang terkenal muncul pada ketika itu iaitu Abu Hasan al-Asy'ari dan Abu Mansur al-Maturidi.

Manakala dari sudut ahli sunnah sebagai satu ajaran adalah ajaran Islam yang dibawa dan diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW dan para sahabat dengan mewariskan rujukan penting kepada umat Islam iaitu al-Quran, hadith, dan ijma. Justeru ajaran ASWJ dari sudut akidah tidak membawa pembaharuan. Kekal berpaksikan kepada enam rukun iman iaitu beriman kepada Allah, beriman kepada malaikat, beriman kepada kitab, beriman kepada Rasul, beriman kepada hari kiamat dan beriman kepada qada' dan qadar. Perincian rukun iman dalam akidah ASWJ sangat penting dan dijadikan pokok dalam agama dengan pembahagian perbincangan kepada Ilahiyyah, Nubuwwah, Sam'iyyat dan soal kepercayaan yang lain [12]. Perkara ini akan dijelaskan dalam bahagian manhaj akidah ASWJ. Individu yang berpegang dengan akidah ASWJ mestilah mengetahui persoalan akidah pokok ini.

b. Mengetahui Kepentingan Kedudukan Akidah ASWJ

Setiap individu muslim mestilah mengetahui dan menyedari bahawa akidah ASWJ adalah golongan yang selamat di dunia dan di akhirat. Ini berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW yang menjelaskan kewujudan perpecahan yang membentuk banyak firqah (golongan) dalam lingkungan umat Islam yang bertentangan dengan ajaran Islam. Perkara yang membimbangkan adalah dari firqah yang banyak itu hanya satu sahaja yang selamat dari neraka. Hadis daripada Abdullah bin Amru, Rasulullah SAW bersabda:

بُنِيَ وَإِنْ ذَلِكَ يَصْنَعُ مِنْ أُمَّتِي فِي لَكَانَ عَلَانِيَةً أَمْهُ أَتَى مِنْهُمْ كَانَ إِذَا حَقَّ بِالنَّعْلِ النَّعْلَ حَذْوَ إِسْرَائِيلَ بْنَى عَلَى أَتَى مَا أُمَّتِي عَلَى لِيَاتِينَ اللَّهُ رَسُولٌ يَا هِيَ مِنْ : قَالُوا وَاحِدَةٌ مُلَةٌ إِلَّا النَّارُ فِي كُلِّهِمْ مُلَةٌ وَسَبْعِينَ ثَلَاثَةٍ عَلَى أُمَّتِي وَتَفَرَّقَ مُلَةٌ وَسَبْعِينَ ثَنَتَيْنِ عَلَى تَفْرِقَتِ إِسْرَائِيلَ وَأَصْحَابِي عَلَيْهِ أَنَا مَا : قَالَ ؟

Maksudnya: ‘Akan ditimpa ke atas umatku sebagaimana yang menimpa Bani Israel, bagaikan sepasang capal, apabila ada di antara mereka menggauli ibunya seara terang-terangan (berzina), maka pada umatku pun aka nada orang yang berbuat demikian. Sesungguhnya Bani Israel telah berpecah menjadi tujuh puluh dua pecahan. Dan umatku akan berpecah menjadi tujuh puluh tiga pecahan; semuanya akan masuk neraka, kecuali satu”. Para sahabat bertanya: Siapakah golongan itu, wahai Rasulullah?” Baginda menjawab: “Iaitu mereka yang mengikuti jalan hidupku dan para sahabatku”.

Dalam membincangkan satu golongan yang selamat ini, al-Baghdadi [1] menyatakannya sebagai firqah al-Najiah iaitu golongan yang berjaya, manakala yang lain adalah golongan yang sesat di dunia dan akhirat.

c. Mengenali Abu Hasan al-‘Asy’ari

Abu Hasan al-‘Asy’ari merupakan tokoh ASWJ yang mesti dikenali oleh pengikut akidah ASWJ. Mengetahui beliau sebagai ulama besar bidang usuluddin yang telah mengumpul, merumus dan menyusun akidah yang diajar oleh Rasulullah SAW dan diwarisi oleh para sahabat [12]. Oleh itu pengikut beliau seterusnya dikenali sebagai kaum al-‘Asya’irah. Aliran mazhab yang sama menjadi panduan dan pegangan akidah umat Islam di Malaysia.

Akidah yang telah disusun oleh Imam Abu Hasan al-‘Asy’ari jelas membezakannya dengan golongan yang sesat dan bid’ah.

d. Kedudukan akal menurut Abu Hasan al-‘Asy’ari

Perbezaan yang ketara antara Abu Hasan al-‘Asy’ari dengan aliran pemikiran pada zaman beliau terutamanya aliran Muktazilah adalah kedudukan akal dalam mempertimbangkan masalah akidah [12]. Beliau menjadikan al-Quran dan al-hadis sebagai pedoman utama dalam perbincangan perkara ghaib, bukannya akal manusia. Ini bukan bermaksud menolak kemampuan akal, tetapi akal dijadikan sebagai alat yang membantu untuk membuka jalan pemikiran. Pemutus jawapan kepada masalah akidah adalah al-Quran dan al-Hadis. Semua pernyataan berkaitan akidah dalam al-Quran dan al-Hadis diterima tanpa ragu-ragu walaupun tidak dapat dijangkau oleh akal manusia. Prinsip ini hendaklah menjadi pegangan seluruh umat Islam di Malaysia yang bernaung di bawah akidah ASWJ aliran al-‘Asya’irah. Pegangan ini akan menyelamatkan akidah umat Islam dari terjerumus dalam aliran pemikiran yang mengutamakan logik akal seperti aliran pemikiran barat moden yang berleluasa hari ini.

2.2 Tema: Manhaj akidah Abu Hasan Al-‘Asy’ari

Abu Hasan al-‘Asy’ari telah mengumpul, merumus dan menyusun manhaj akidah berdasarkan kandungan al-Quran, hadith dan ijma’ ulama. Hasilnya terdapat beberapa perkara pokok yang mesti dikuasai oleh seorang pemegang akidah ASWJ iaitu:

a. Ilahiyyah

Perkara utama yang menjadi titik tolak dalam akidah ASWJ adalah perbincangan mengenai Ilahiyyah iaitu ketuhanan. Ia merupakan punca kepada kepercayaan dan keimanan terhadap rukun

iman yang lain. Dalam membimbing umat Islam mengenal Allah, Imam Abu Hasan al-'Asy'ari menyusun ilmu kalam atau ilmu tauhid. Antara kandungan utama yang perlu dikuasai adalah perbincangan Sifatiyyah (sifat 20) dan Ayat Mutasyabihat.

i. *Sifatiyyah*

Sifatiyyah adalah perbincangan kaedah mengenal Allah melalui sifat 20. Dalam usaha untuk mengenal Allah SWT, setiap orang Islam yang sudah baligh dan berakal wajib mengetahui dan beriktiad secara ringkas (ijmali) (Zakaria Ahmad, 2013) bahawa wajib bagi Allah SWT bersifat dengan segala kesempurnaan yang layak dengan zatNya yang Maha tinggi. Seterusnya wajib juga mengenali Allah SWT serta terperinci (tafsili) melalui 20 sifat wajib, 20 sifat mustahil dan 1 sifat harus bagi Allah [12]. Imam Abu Hasan mendatangkan kaedah pendalilan sifat Allah melalui dalil naqli dan aqli. Perbincangan pembahagian sifat 20 sifat wajib diringkaskan sebagaimana dalam Jadual 2.

Jadual 2

Ringkasan Bahagian Sifat 20

Bil	Bahagian Sifat	Huraian	Sifat Wajib
1.	Nafsiah	Sifat yang disandarkan kepada zat dan tidak boleh dipisahkan dari zat	Wujud (ada)
2.	Salbiah	Sifat yang difahami daripadanya akan menafikan sifat yang tidak layak bagi Allah SWT.	Qidam (sedia) Baqa' (kekal) Mukhalafatuhu lilhawadith (menyalahi Allah SWT dengan segala yang baharu) Qiamuhu bi Nafsihi (berdiri Allah SWT dengan sendiri) Wahdaniah (Satu)
3.	Ma'ani	Sifat yang menunjukkan kepada makna-makna yang thabit bagi Allah SWT yang layak dengan kesempurnaanNya.	Qudrat (Maha Berkuasa) Iradat (Maha Berkehendak) Ilmun (Maha Mengetahui) Hayyan (Maha Hidup) Sama' (Maha mendengar) Basar (Maha Melihat) Kalam (Maha Berkata-kata)
4.	Ma'nawiyyah	Sifat yang disandarkan kepada ma'ani kerana ia bergantung kepada sifat ma'ani.	Kaunuha Qadiran (Hal keadaan Allah SWT Berkuasa) Kaunuha Muridan (Hal keadaan Allah SWT Berkehendak) Kaunuha 'Aliman (Hal keadaan Allah SWT Mengetahui) Kaunuha Hayyan (Hal keadaan Allah SWT Hidup) Kaunuha Sami'an (Hal keadaan Allah SWT Mendengar) Kaunuha Basiran (Hal keadaan Allah SWT Melihat) Kaunuha Mutakkalliman (hal keadaan Allah SWT Berkata-kata)

Sifat-sifat mustahil bagi Allah SWT secara ringkas (ijmal) adalah apa sahaja sifat kekurangan. Manakala untuk perbincangan secara terperinci (tafsili) adalah 20 sifat yang berlawanan dengan 20 sifat wajib bagi Allah SWT [23].

ii. Ayat dan Hadith Mutasyabihat

Ayat dan hadith Mutasyabihat merupakan ayat atau hadith yang menimbulkan rasa keraguan bahawa Allah SWT menyerupai makhluk. Ahli Sunnah Wal Jamaah sangat menitik beratkan perbincangan ayat dan hadith mutasyabihat ini. Justeru seorang pemegang akidah ASWJ mestilah dapat memahami serta menguasai kaedah yang digunakan dalam membincangkan ayat dan hadith mutasyabihat bagi mempastikan kemurniaan akidah ketuhanan yang dianuti akhirnya akan bersandarkan kepada firman Allah SWT dalam surah al-Syura ayat 11:

۱۱ أَلْبَصِيرُ الْسَّمِيعُ وَهُوَ شَيْءٌ كَمِثْلِهِ لَيْسَ

Maksudnya: “Tiada sesuatupun yang sebanding dengan (ZatNya, sifat-sifatNya dan pentadbiranNya) dan Dialah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.

Dalam membincangkan ayat dan hadis mutasyabihat ini terdapat dua kaedah yang diterima dalam ASWJ iaitu ta’wil dan tafwidh. Bagi golongan khalaf cenderung mengikuti kaedah yang diasaskan oleh Imam Abu Hasan al-Asy’ari dengan merta’wilkan sesuatu yang layak dan munasabah bagi Allah SWT. Contoh dalam membincangkan ayat 5 dalam surah Taha:

هُوَ أَسْتَوْى الْعَرْشِ عَلَى الرَّحْمَنِ

Maksudnya: Iaitu (Allah) Ar-Rahman, yang bersemayam di atas arasy.

Allah bersemayam dalam ayat di atas dita’wilkan menjadi Allah memerintah dan memiliki atau menguasai ‘arasy [23].

b. Nubuwwah

Perkara kedua yang mesti dikuasai oleh seorang pemegang akidah ASWJ adalah berkaitan kenabian dan kerasulan. Wajib percaya kepada nabi-nabi dan rasul-rasulNya, memahami pengertian nabi dan rasul, mengetahui sifat wajib, mustahil dan harus bagi mereka, bilangan, mukjizat serta sejarah para nabi dan rasul. Nubuwwah secara syarie adalah pemberitahuan Allah kepada orang yang dikehendaki bagi mengangkat darjah dan kedudukan dirinya dengan penyampaian wahyu Allah kepadaNya untuk dirinya sendiri dan orang lain. Manakala tujuan syarie seorang nabi adalah penentuan yang diberikan kepada seorang lelaki dari anak Adam yang diberikan wahyu dengan suatu perintah daripada Allah dan ia harus menyampaikannya kepada umatnya [3].

Bilangan nabi-nabi yang sebenar tidaklah dinyatakan di dalam al-Quran secara jelas namun yang telah disebutkan dalam riwayat dan di dalam al-Quran adalah 25 orang yang wajib dipercaya secara pasti iaitu Adam, Idris, Nuh, Hud, Soleh, Ibrahim, Ismail, Ishaq, Ya’qub, Yusuf, Ayub, Shuaib, Musa, Harun, Zulkifli, Daud, Sulaiman, Ilyas, Ilayasa’, Yunus, Zakaria, Yahya, Isa dan Muhammad. Manakala antara 25 orang tersebut 5 orang mempunyai kelebihan yang utama iaitu Nabi Muhammad, Nabi Ibrahim, Nabi Musa, Nabi Isa dan Nabi Nuh [24].

Bukti daripada kebenaran utusan-utusan Allah daripada kalangan manusia dalam menyampaikan ajaran-ajaran yang merangkumi akidah, ibadah dan hukum-hukum serta adab adalah dengan pemberian mukjizat. Mukjizat diberikan Allah untuk nabi atau rasul-rasul pilihan dengan bukti supaya menutup mulut bagi mematikan hujah golongan yang takabbur dan menentang dakwah risalah Allah yang disampaikan utusannya. Justeru, mukjizat adalah suatu perkara yang luar biasa, yang terjadi kepada rasul-rasul yang disertai dengan cabaran daripada kaum-kaum yang mendusatakan kebenaran mereka. Dengan mukjizat, sesuatu kaum dicabar untuk mengalahkan perkara luar biasa yang dianugerahkan kepada nabi atau rasul mereka namun jika mereka tidak dapat mengalahkan, menunjukkan mereka lemah dan tewas, dengan itu terbuktilah kebenaran rasul mereka [5].

c. Sam'iyat

Sam'iyat adalah perkara yang tidak dapat dicapai dengan akal namun diketahui daripada keterangan sumber agama terutamanya daripada al-Quran [24]. Beriman dengan perkara Samiyat atau beriman dengan hari kiamat seperti Sirat, Syurga dan Neraka merupakan perkara yang wajib diimani kerana ia termasuklah iman kepada Allah, perkara ghaib dan beriman kepada ayat al-Quran di dalam firman Allah SWT dalam surah Al-Haj ayat 7 :

٧ الْقُبُرُ فِي مَنْ يَبْعَثُ اللَّهُ وَأَنَّ فِيهَا رَبِّ لَا عَاتِيَةُ السَّاعَةِ وَأَنَّ

Maksudnya: Dan bahawa sesungguhnya hari kiamat itu tetap akan datang, tidak ada sebarang syak padanya dan bahawa sesungguhnya Allah akan membangkitkan (menghidupkan semula) orang-orang yang di dalam kubur.

مَعْلُومٌ يَوْمَ مِيقَاتِهِ لِمَحْمُودِ عُونَ وَالآخَرِينَ الْأَوَّلِينَ الْآَوَّلِينَ إِنَّ

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang dahulu dan orang-orang yang kemudian. Tetapi akan dikumpulkan pada hari kiamat yang termaklum

(Surah Al-Waqiah : 49-50)

Perkara-perkara Sam'iyyat yang terdapat dalam al-Quran adalah hari akhirat, yang terkandung padanya hari kiamat, kebangkitan di padang mahsyar, hisab Allah kepada manusia, menerima suratan amal, mizan (timbangan amal), sirat bagi melalui syurga atau neraka, perigi Rasulullah , syurga atau neraka. Semua adalah termasuk perkara-perkara ghaib yang dikhabarkan al-Quran untuk orang-orang Islam mengimaninya. Sesungguhnya segala apa yang dipersiapkan benar-benar akan berlaku setelah manusia melepassi alam dunia [5]. Justeru wajib bagi setiap mukallaf percaya hari kiamat itu akan datang, pertanyaan kubur, nikmat kubur, seksa kubur, syurga dan neraka adalah sebagai tempat balasan bagi setiap jiwa [14].

Antara perkara-perkara Sam'iyyat adalah seperti berikut :

i. Al-Quran kalam Allah (Qadim)

Al-Quran adalah kitab yang wajib diimani sebagai ajaran yang dibawakan oleh Rasul yang diutuskan kepada manusia sama ada mengandungi perintah atau sebagai larangan [14]. Al-Quran adalah sebagai kalam Allah yang bersifat qadim sebagaimana sifat Allah yang bersifat qadim, justeru al-Quran bukanlah makhluk atau sesuatu yang baru [19].

Imam Asy'ari menjelaskan kalam tuhan bersifat azali lagi qadim serta tidak berubah oleh ruang dan waktu, justeru al-Quran itu kekal sifatnya sedia ada pada yang asal, bukanlah makhluk. Al-Quran tidak berubah, bukan dicipta dan tidak disuarakan oleh makhluk, ia adalah kalam Allah [6, 20]

ii. Allah dapat dilihat di akhirat

Golongan Ahli Sunnah wal Jamaah meyakini bahawa Allah dapat dilihat di akhirat berdasarkan dalil-dalil aqli dan naqli. Dalil-dalil naqli dapat dilihat jelas menerusi firman Allah di dalam al-Quran misalnya di dalam surah al-Qiyamah ayat 22-23 [7]:

نَاظِرَةٌ رَبِّهَا إِلَى نَاضِرَةٍ يَوْمَئِنْ وُجُوهَ

Maksudnya: Pada hari akhirat itu, muka (orang-orang yang beriman) berseri-seri, melihat kepada TuhanNya.

Surah Al-An'am ayat 103 :

الْحَيِّرُ الْلَّطِيفُ وَهُوَ الْأَبْصَرُ يُدْرِكُ وَهُوَ الْأَبْصَرُ تُدْرِكُهُ لَا

Maksudnya: Ia tidak dapat dilihat dan diliputi oleh penglihatan mata, sedang la dapat melihat (dan mengetahui hakikat) segala penglihatan (mata), dan Dia lah Yang Maha Halus (melayan hamba-hambaNya dengan belas kasihan), lagi Maha Mendalam pengetahuanNya.

Al-Juwaini mengatakan penglihatan di akhirat nanti akan menjadi kenyataan apabila manusia sudah berada di dalam syurga kerana di akhirat, untuk melihat Tuhan tidak memerlukan cahaya, ataupun Tuhan berada di balik hijab sekalipun ianya tidak menjadi halangan kepada manusia bagi melihatnya, melihat juga diertikan sebagai melihat dengan mata kepala. Golongan Asyairah meyakini bahawa di syurga bukanlah tempat penuh penantian dan penyeksaan kerana menghadapi ketidakpastian justeru itu tuhan pasti dilihat dengan penglihatan [21].

iii. Perbuatan Allah

Isu perbuatan Allah merupakan isu utama dalam akidah. Perbuatan Allah secara jelas terakam di dalam al-Quran surah Al-An'am ayat 101 :

كُلَّ وَخَلْقَ صُحْبَتِهِ لَهُ، تَكُونُ وَلَمْ وَلَدْ لَهُ، يَكُونُ أَنِّي وَالْأَرْضِ أَسْسَمُوتِ بَدِيعُ
عَلِيمٌ شَيْءٌ بِكُلِّ وَهُوَ شَيْءٌ عَ

Maksudnya: (Dia lah) yang menciptakan langit dan bumi. Bagaimanakah la mempunyai anak sedang la tidak mempunyai isteri? la pula yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, dan Dia lah Yang Maha Mengetahui akan segala-galanya

Surah Al-Qamar ayat 49 :

بِقَدَرِ خَلْقَنَهُ شَيْءٌ كُلَّ إِنَّا

Maksudnya: Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut takdir (yang telah ditentukan).

Sebagaimana yang difirmankan, Af'al Allah pada ayat di atas menjelaskan bahawa setiap sesuatu perbuatan, Allahlah yang mempunyai kuasa bagi menetapkan kadar. Kadar yang dimaksudkan adalah

ditetapkan pada setiap makhluk. Ini termasuklah apa yang dikurniakan Allah kepada setiap makhluknya yang berbentuk hidayah, rezki, umur dan ajal [15].

Justeru bentuk hubungan perbuatan Allah dengan hamba dapatlah difahami melalui penjelasan Imam al-Ash'ari yang menyebutkan bentuk perbuatan yang berlaku antara tuhan dan hamba sebagai baru, bukan qidam. Bahkan 'perbuatan' Allah itu sendiri sebagai baru kerana ia diwujudkan selepas adanya manusia [15].

Perbuatan Allah adalah sebagai suatu yang wajib namun kehendak tuhan tidak bersifat mutlak kerana ia difahami sebagai bukan seorang raja yang zalim, namun aturannya sesuai dengan hukum yang tidak berubah-ubah. Ini kerana kejadian alam ini adalah untuk manfaat manusia maka perbuatan tuhan adalah untuk manfaat manusia [11].

Ulama Ahli Sunnah bersetuju meletakkan perbuatan Allah sebagai berikut:

- i. Kewujudan hamba wajib bersandar daripada sifat baru kepada yang bersifat qadim
- ii. Bagi menghubungkan yang qadim dengan yang baru, mestilah menggunakan pendekatan wasiliyyah, iaitu berperanan sebagai sesuatu yang menghubungkan qadim dengan yang baru. Kaedah takwin digunakan bagi memahami kesesuaian padanan qadim pada Allah dengan baru pada manusia [15].

iv. Perbuatan hamba

Persoalan tentang perbuatan hamba dalam akidah adalah tentang apakah hamba itu melakukan perbuatannya sendiri ataupun perbuatan mereka diciptakan oleh Tuhan. Imam Asy'ari berpendapat perbuatan manusia merupakan ciptaan Tuhan, ini kerana tuhan yang menciptakan perbuatan manusia, maka Dia lah yang memberikan daya upaya kepada manusia sehingga terwujudnya suatu perbuatan. Tiada pembuat perbuatan kecuali dengan adanya tuhan. Justeru tuhanlah yang berkuasa. Tuhan menghendaki segala apa yang ia kehendaki [21].

Tambah Imam al-Ash'ari perbuatan manusia tidak seluruhnya tertakluk kepada manusia, malah perbuatan manusia adalah berkait dengan perbuatan Tuhan. Namun begitu, bukan bermaksud perbuatan manusia seluruhnya daripada tuhan, namun ianya berkaitan izin daripada tuhan melalui al-kasb iaitu suatu perolehan ataupun usaha. Ini bererti perbuatan manusia itu adalah daripada hasil usahanya sendiri yang diperoleh daripada Tuhan. Ini dapatlah difahami, manusia hanya boleh mengusahakan perbuatan mereka bukan mewujudkan perbuatan [8].

Kasb yang diusahakan manusia dapat difahami melalui firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 286:

أَكْتَسَبْتُ مَا لَهَا وَعَلَيْهَا كَسَبْتُ مَا لَهَا وَسَعَهَا إِلَّا نَفْسًا لَّهُ يُكْلِفُ لَا

Maksudnya: Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahanan yang diusahakannya.

3. Kesimpulan

Akidah ASWJ merupakan akidah suci dan murni yang telah disusun bersumberkan al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Malaysia sebuah negara yang menetapkan pegangan akidah ASWJ sebagai langkah penyeragaman akidah umat Islam. Sekaligus bertujuan untuk menutup perkembangan aliran akidah atau pemikiran yang salah. Bagi memastikan matlamat tersebut tercapai maka perlulah dikenalpasti sejauhmana penguasaan umat Islam terhadap akidah ASWJ. Berdasarkan perbincangan dalam kertas kerja ini, tema latarbelakang ASWJ dan mahaj akidah ASWJ telah dikenalpasti sebagai

dua skop utama yang akan difokuskan bagi membina item pengukuran penguasaan akidah ASWJ dalam kalangan umat Islam. Hasil dari pembinaan item ini, selain dari dijadikan asas dalam membuat pengukuran ia juga akan dapat membantu pihak yang berusaha membina modul pemerkasaan akidah ASWJ di Malaysia.

Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang membiayai penyelidikan ini melalui geran H250 TIER 1 2018.

Rujukan

- [1] Abd al-Qahir bin Tahir Muhammad al-Baghdadi. (2013). *al-Farq Baina al-Firaq*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah
- [2] Abdul Hamid @ Yusoff bin Yunus. (2005), *Akidah Mukmin*, Madinah: Maktabah Al-Ulum wa Al-Hikam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- [3] Abu Bajar al-Jazairi (1995), *Akidah Mukmin*, Madinah: Maktabah Al-Ulum wa Al- Hikam, terj. H. Asmuni Solehan Zamakhsyari, 234.
- [4] Badhrulhisham, Adam. "AHLI SUNNAH WAL JAMAAH DAN PEMAKAIANNYA DI MALAYSIA: ISU DAN CABARAN." *Jurnal Ulwan* 1, no. 1 (2016): 128-149.
- [5] Ahmad Izzuddin Al-Bayanuni (2003), *Ahli Sunnah Wal Jamaah*, terj. Hasnan bin Kasan Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 348-393.
- [6] Beti Mulu (2008). *Al-Asy'ariyah Sejarah Timbul Al-Asy'ari dan Pokok-pokok Ajarannya*, *Jurnal Al-Adl*, Vol. 1, no. 1,8
- [7] Deki Ridho Adi Anggara. (2018). *Ru'yatullah Perspektif Muktazilah dan Ahli Sunnah Wal Jamaah*, Surabaya: Universiti Islam Negeri Sunan Ampel.
- [8] Hadariansyah, A. B. "KONSEP AF'AL AL-'IBĀD DALAM PEMIKIRAN TEOLOGI TOKOH-TOKOH BESAR ALIRAN ASY'ARIYAH (Telaah Perbandingan Atas Pemikiran Al-Asy'ari, Al-Baqillani, Al-Juwaini, dan Al-Ghazali)." *Jurnal Ilmiah Ilmu Ushuluddin* 8, no. 1 (2009): 49-70.
- [9] H. Ahsin Sakho Muhammad (Dr.). (2009). Refleksi Pembaharuan Dalam Pemikiran Ahlus Sunnah Wal Jamaah, Seminar Ahlu Sunnah Wal Jamaah Bersempena Bulan Dakwah Peringkat Kebangsaan, 20 Februari 2009, Hotel Pan Pacific, Anjuran YADIM, YADMI, KPM dan KPT
- [10] Indonesia, Ensiklopedia. "Ensiklopedia Indonesia." *Jakarta: van Hoeve, PN. Buku Ichtiar* (1980).
- [11] Nasution, Harun. *Muhammad Abduh dan teologi rasional Mu'tazilah*. Penerbit Universitas Indonesia, 1987.
- [12] K.H. Sirajuddin Abbas. (2016). *I'itiqad Ahlussunnah Wal-Jama'ah*, Kelantan: Pustakan Aman Press Sdn. Bhd.
- [13] Jodi, Khairul Hamimah Mohammad. *Pemahaman akidah di kalangan pelajar institut pengajian tinggi swasta dan kesannya terhadap masalah akhlak: suatu kajian*. 2008.
- [14] Manshuruddin Batu Bara. (2001), *Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Ringkasan Tauhid*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher,158-159.
- [15] Mohd Hamidi Ismail, Mohd Fauzi Hamat. (2015), *Af'al Allah menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah*, *Jurnal al-Afkar*, Vol. 17, 10-11.
- [16] Mohamed Fairooz b. Mohamed Fathillah & Amidudin Basir @ Ahmad. (2016), *Tahap Pengetahuan Belia Islam Terhadap Kefahaman dan Amalan Ajaran Syiah: Satu Kajian di Negeri Selangor*, *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Vo. 3 Bil. 2, Kolej Universiti Islam Selangor; 220-234
- [17] Muhammad bin Isa bin Surah al-Tirmizi. (1983), *Sunan al-Tirmizi*, Juzuk 4, Bab al-Iman, Beirut: Dar al-Fikr; 135
- [18] Muhammad Usman El-Muhamady. (2010). *Perpecahan Menghakis Pengaruh Kekuatan Islam*, Kertas Kerja Multaqa Ulama' dan Ilmuwan Johor 1431H/2010M, h. 50
- [19] Tamar Jaya Nizar, Farahwahida Mohd Yusof (2013), *Pemikiran Akidah Imam Syafie*, *Jurnal Teknologi (Social Science)*, 62:1, 8.
- [20] Supriadin. (2014). *Al-Asy'ariyah Sejarah Abu Al-Hasan al-Asy'ari dan doktrin-doktrin teologinya* , *Jurnal Sulesana*, Vol.9, no, 2
- [21] Tsuroya Kiswati. (2005) *Al-Juwaini Peletak Dasar Teologi Rasional Dalam Islam*, Jakarta: Penerbit Erlangga, 106-108.
- [22] Zakaria Stapa (Prof. Dato'), 2015, Keutuhan Ahli Sunnah WalJamaah (ASWJ) Di Malaysia dalam Memartabatkan Agma Islam, dibentangkan dalam Seminar Ahli Sunnah Wal Jamaah: Pengukuhan Akidah Menurut Manhaj Wasatiyyah, pada 28 Oktober 2015
- [23] Zakaria Ahmad(Dato' Syeikh), 2013, *Sulam al-Tauhid (Tangga Ilmu Tauhid)*, Pustaka Dar al-Salam, Kedah.
- [24] Zarkasyi (1994), *Usuluddin (Aqaid)*, Ponorogo:Trimurti Press, 69-70.